



## KENYATAAN MEDIA

### PELAKSANAAN PERINGKAT KETIGA FASA ENDEMIK BAGI PENGGAL PERTAMA TAHUN AKADEMIK 2022: PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN *ANTIGEN RAPID TEST (ART)* DI RUMAH DAN KADAR KEHADIRAN FIZIKAL BAGI PELAJAR TADIKA

**Sabtu, 5 Februari 2022** – Dengan bermulanya sesi persekolahan penggal pertama tahun 2022 bagi semua sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam, serta sekolah-sekolah swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan pada hari Isnin, 29 Jamadilawal 1443 bersamaan 3 Januari 2022 yang lalu di mana pembelajaran secara fizikal mula dibukakan secara berperingkat menurut kadar yang memenuhi nasihat dan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) kesihatan yang menepati fasa awal endemik semasa, sesi persekolahan secara fizikal bagi pelajar-pelajar dari peringkat menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi telah dipantau dengan rapi khususnya oleh guru-guru yang memastikan pelaksanaan ujian saringan *Antigen Rapid Test* atau *ART* serta pengajaran dan pembelajaran adalah berjalan dengan teratur dan lancar.

Dalam masa yang sama, mengambil kira perkembangan jangkitan pandemik COVID-19 di negara ini dan juga dengan merujuk nasihat daripada Jawatankuasa Pandu COVID-19, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa pelaksanaan ujian saringan *ART* di rumah secara berperingkat bagi pelajar-pelajar sekolah yang mengikuti pembelajaran secara bersemuka akan bermula pada hari Isnin, 6 Rejab 1443 bersamaan 7 Februari 2022 bagi Tahun 11, 12 dan 13, manakala bagi peringkat-peringkat lain hanya akan bermula pada 13 Rejab 1443 bersamaan 14 Februari 2022 untuk semua institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Proses dan tatacara pelaksanaan dan proses laporan ujian sendiri *ART* ini akan dimaklumkan kepada para ibu bapa dan penjaga pelajar oleh sekolah masing-masing.

Selain itu, Kementerian Pendidikan selanjutnya memaklumkan mengenai peralihan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar tadika atau *kindergarten* secara fizikal di bawah kawalan Kementerian Pendidikan khususnya bagi peringkat Tadika 1 dan Tadika 2 bagi pelajar yang berumur antara 3 hingga 4 tahun adalah **dibenarkan** beroperasi dengan kadar 80% kapasiti dari jumlah keseluruhan pelajar. Kebenaran untuk beroperasi pada had kapasiti ini bermula pada 6 Rejab 1443 bersamaan 7 Februari 2022. Walau bagaimanapun perkara ini adalah tertakluk kepada kesediaan institusi-institusi pendidikan masing-masing.





Sehubungan itu, garis panduan serta Prosedur Operasi Standard (*SOP*) yang tersedia adalah dikekalkan untuk dilaksanakan bagi menjaga keselamatan pelajar-pelajar lain serta warga sekolah. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Swasta akan sentiasa memantau sekolah-sekolah ini dalam mematuhi *SOP* yang telah ditetapkan.

Pelajar-pelajar tadika juga akan dikehendaki menjalani ujian saringan COVID-19 menggunakan *ART* seminggu sekali dan dibolehkan untuk melaksanakannya di rumah mulai 14 Februari nanti. Proses dan tatacara pelaksanaan dan proses laporan ujian sendiri *ART* ini akan dimaklumkan kepada para ibu bapa dan penjaga pelajar oleh sekolah masing-masing. Walau bagaimanapun pembelajaran secara dalam talian akan masih diteruskan bagi pelajar-pelajar tadika yang belum dapat menghadiri pembelajaran secara bersemuka.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/26

Tarikh: 4 Rejab 1443H / 5 Februari 2022M

